



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.

Tel. : 603-88832545
Faks : 603-88895542
Email : anhisham@moh.gov.my

Ruj Kami : KKM/87/P2-1/14-1 Jld 8(32)

Tarikh : 23 April 2014

SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN POSTING PSIKIATRI SEBAGAI SALAH SATU
POSTING ALTERNATIF DALAM PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN
SISWAZAH**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Kelayakan Perubatan (LKP) bertanggungjawab terhadap pelaksanaan dan pemantauan Program Pegawai Perubatan Siswazah (PPS). Susulan itu, sukacita dimaklumkan bahawa LKP yang bersidang pada 13.9.2013 (Bil 3/2013) telah meluluskan penempatan PPS di posting Psikiatri sebagai salah satu lagi posting alternatif, selain posting Perubatan Kecemasan, posting Anestesiologi dan posting Kesihatan Primer, namun ia hanya akan dilaksanakan di beberapa Hospital Latihan Siswazah (HLS) dan Institusi Mental Kementerian Kesihatan Malaysia.

3. Buku log posting Psikiatri telah selesai dicetak dan diedarkan bersekali dengan surat ini kepada HLS dan Institusi Mental yang terlibat dalam latihan siswazah di posting Psikiatri ini. Sukacita YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dapat menempatkan PPS untuk menjalani posting Psikiatri misalnya mulai 2 Mei 2014. Maklumat lanjut mengenai tatacara pelaksanaan posting Psikiatri ini adalah seperti dalam Garis Panduan Tatacara Pelaksanaan Posting Psikiatri bagi Program Pegawai Perubatan Siswazah (Lampiran 1).

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

Yang Mulia,

b/s — bv

(DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

DATUK DR. JAYAINDRAN TAN SRI SINNADURAI, PJP, DSSA (Reg: 23652)
MD, FRCPI, DTM(Lond), FRAM, FFOM(Ire), CMIA(Mal), FCCP(USA)
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERUBATAN)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

s.k Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kesihatan Negeri _____
Jabatan Kesihatan Negeri _____

Setiausaha
Majlis Perubatan Malaysia

Pengarah Institut Pengurusan Kesihatan

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Malaya
2. Pengarah
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
3. Pengarah
Hospital Universiti Sains Malaysia
4. Pengarah
Hospital Tuanku Fauziah
5. Pengarah
Hospital Sultanah Bahiyah
6. Pengarah
Hospital Sultan Abdul Halim
7. Pengarah
Hospital Kulim
8. Pengarah
Hospital Pulau Pinang
9. Pengarah
Hospital Seberang Jaya
10. Pengarah
Hospital Raja Permaisuri Bainun
11. Pengarah
Hospital Taiping
12. Pengarah
Hospital Teluk Intan
13. Pengarah
Hospital Seri Manjung
14. Pengarah
Hospital Kuala Lumpur

15. Pengarah
Hospital Putrajaya
16. Pengarah
Hospital Tengku Ampuan Rahimah
17. Pengarah
Hospital Selayang
18. Pengarah
Hospital Kajang
19. Pengarah
Hospital Serdang
20. Pengarah
Hospital Ampang
21. Pengarah
Hospital Sungai Buloh
22. Pengarah
Hospital Tuanku Jaafar
23. Pengarah
Hospital Tuanku Ampuan Najihah
24. Pengarah
Hospital Melaka
25. Pengarah
Hospital Sultanah Aminah
26. Pengarah
Hospital Pakar Sultanah Fatimah
27. Pengarah
Hospital Batu Pahat
28. Pengarah
Hospital Sultan Ismail

29. Pengarah
Hospital Segamat
30. Pengarah
Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA)
31. Pengarah
Hospital Sultan Hj Ahmad Shah
32. Pengarah
Hospital Sultanah Nur Zahirah
33. Pengarah
Hospital Kemaman
34. Pengarah
Hospital Raja Perempuan Zainab II
35. Pengarah
Hospital Kuala Krai
36. Pengarah
Hospital Tanah Merah
37. Pengarah
Hospital Queen Elizabeth
38. Pengarah
Hospital Duchess of Kent
39. Pengarah
Hospital Tawau
40. Pengarah
Hospital Umum Sarawak
41. Pengarah
Hospital Miri
42. Pengarah
Hospital Sibu

43. Pengarah
Hospital Bintulu
44. Pengarah
Hospital Kluang
45. Pengarah
Hospital Lahad Datu
46. Pengarah
Hospital Sarikei
47. Pengarah
Hospital Keningau
48. Pengarah
Hospital Kuala Lipis
49. Pengarah
Hospital Bahagia Ulu Kinta
50. Pengarah
Hospital Permai Tampoi
51. Pengarah
Hospital Mesra Bukit Padang
52. Pengarah
Hospital Sentosa Kuching

**GARIS PANDUAN TATACARA PELAKSANAAN POSTING PSIKIATRI
SEBAGAI SALAH SATU POSTING ALTERNATIF
DALAM PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS)**

1. Tujuan :

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan tatacara pelaksanaan latihan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di posting Psikiatri sebagai salah satu posting alternatif.
- 1.2. Garis panduan ini perlu dibaca bersekali dengan:
 - 1.2.1. Buku Panduan Program Pegawai Perubatan Siswazah Edisi 1 2012
 - 1.2.2. Surat Arahan Ketua Pengarah Kesihatan mengenai Pemantapan Program Pegawai Perubatan Siswazah KKM/87/P2-1/14-1 Jld 8(10) bertarikh 24 Disember 2013.
 - 1.2.3. Garis Panduan Prosedur Penilaian Tempat Kerja Bagi Pegawai Perubatan Siswazah yang Mengalami Masalah Kesihatan Penyakit Bawaan Darah (oleh Bahagian Kawalan Penyakit) Edisi 1 2011
 - 1.2.4. Garis Panduan Jangkitan Penyakit Bawaan Darah (oleh Majlis Perubatan Malaysia) diluluskan dalam Mesyuarat MPM ke-298 bertarikh 2.1.2011
 - 1.2.5. *Guideline on Management of Health Care Worker* (oleh Occupational Health Unit, MOH) Edisi 1 2007

2. Latar Belakang Pelaksanaan Posting Psikiatri Untuk Program Pegawai Perubatan Siswazah (PPS)

- 2.1. Pada peringkat permulaan, cadangan asal pada tahun 2010 bagi pelaksanaan posting Psikiatri adalah sebagai posting alternatif bagi semua PPS memandangkan jumlah PPS yang bertambah ramai yang menghadkan peluang latihan dan melakukan prosedur. Namun susulan pelaksanaan sistem waktu bekerja fleksi, pihak hospital memberikan maklumbalas bahawa mereka memerlukan lebih ramai PPS bagi melicinkan tugas fleksi.
- 2.2. Buku log posting Psikiatri telah diluluskan oleh Lembaga Kelayakan Perubatan (LKP) dalam Mesyuarat Bil 3/2012 pada 26 September 2012 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan. LKP telah bersetuju supaya posting Psikiatri dilaksanakan sebagai salah satu posting alternatif.
- 2.3. Seterusnya, Mesyuarat Pelaksanaan Program Latihan Siswazah di Posting Psikiatri yang diadakan pada 4 Julai 2013 dan LKP (Mesyuarat Bil 3/2013) pada 13 September 2013 bersetuju supaya posting Psikiatri **ditawarkan kepada semua PPS** namun ianya tertakluk kepada beberapa syarat (*inclusion and exclusion criteria*).

3. Aspek Perundangan Posting Psikiatri Di Bawah Akta Perubatan 1971 Seksyen 13 Dan Keputusan Jemaah Menteri 2007

- 3.1. Jemaah Menteri telah memutuskan supaya tempoh latihan siswazah dilanjutkan kepada 2 tahun merangkumi 6 posting (5 posting wajib dan 1 posting obligatori) di mana posting Perubatan Kecemasan telah diperkenalkan sebagai posting obligatori. Posting Anestesia kemudiannya diperkenalkan sebagai salah satu posting alternatif selain posting Perubatan Kecemasan mulai tahun 2010.
- 3.2. Akta Perubatan 1971 Seksyen 13 (2) yang menyatakan bahawa PPS mesti menjalani 3 posting wajib (Perubatan/Pediatrik, Pembedahan/Ortopedik dan O&G). Susulan itu, PPS boleh dibenarkan menjalani posting alternatif **selepas diperakukan** di posting Perubatan atau Pediatrik, Pembedahan atau Ortopedik **dan** O&G; iaitu seawal posting ke-4 dalam latihan siswazah, tertakluk kepada keperluan Seksyen 13 (2) tersebut. Ketetapan ini boleh digunakan dalam pelaksanaan posting Psikiatri sebagai salah satu posting alternatif selain Perubatan Kecemasan, posting Anestesia dan Kesihatan Primer.

4. Tatacara pemilihan PPS untuk menjalani posting Psikiatri

4.1. **Inclusion Criteria pemilihan PPS:** PPS bolehlah memilih untuk menjalani posting Psikiatri, sebagai salah satu posting alternatif selain daripada posting Perubatan Kecemasan atau Anestesia sama ada sebagai posting ke 4, 5 atau 6 setelah mencukupi syarat seperti dalam Para 3.1, namun ianya tertakluk kepada:

- 4.1.1. Hanya terbuka bagi PPS yang menjalani program PPS di Hospital Latihan Siswazah (HLS) yang menawarkan posting Psikiatri sahaja (rujuk Lampiran A)
- 4.1.2. Pilihan PPS sendiri – PPS boleh memohon untuk ditempatkan di posting Psikiatri
- 4.1.3. Jumlah PPS sedia ada di posting Psikiatri
- 4.1.4. Keperluan PPS di posting-posting lain sekiranya terdapat kekurangan PPS di posting alternatif/obligatori yang lain
- 4.1.5. Keputusan oleh Pengarah HLS

4.2. **Peruntukan khas** untuk menjalani posting Psikiatri mungkin wajar diberi kepada PPS yang mempunyai **penyakit berjangkit bawaan darah**. Bagi tatacara pengendalian PPS yang mempunyai penyakit berjangkit bawaan darah bolehlah merujuk kepada Garis Panduan Prosedur Penilaian Tempat Kerja Bagi Pegawai Perubatan Siswazah yang Mengalami Masalah Kesihatan Penyakit Bawaan Darah (oleh Bahagian Kawalan Penyakit), Garis Panduan Jangkitan Penyakit Bawaan Darah (oleh Majlis Perubatan Malaysia) dan *Guideline on Management of Health Care Worker (oleh Occupational Health Unit, MOH)*.

4.3. **Exclusion Criteria pemilihan PPS:** bagi pemilihan PPS yang boleh menjalani posting Psikiatri:

- 4.3.1. PPS yang mempunyai masalah kesihatan mental yang serius misalnya *Schizophrenia, Bipolar Disorder, Major Depressive Disorder*

atau lain-lain penyakit mental yang boleh mengekang kebolehan PPS menjalani latihan di posting Psikiatri. Ini bagi melindungi PPS dan juga pesakit yang mungkin dirawat oleh PPS tersebut.

- 4.3.2. PPS di HLS yang tidak menawarkan posting Psikiatri. Susulan itu, PPS tidak dibenarkan bertukar tempat latihan di antara HLS semata-mata untuk menjalani posting Psikiatri sekiranya HLS tersebut tidak menawarkan posting Psikiatri.

5. Kriteria Bagi Hospital Untuk Menjalani Latihan Siswazah Bagi Posting Psikiatri

5.1. Memandangkan bukan semua HLS mempunyai pakar Psikiatri, wad Psikiatri dan casemix yang mencukupi, pelaksanaan posting Psikiatri ini akan terhad kepada beberapa HLS sahaja. Terdapat juga beberapa Institusi Mental seperti Hospital Bahagia Ulu Kinta yang mempunyai bilangan pakar Psikiatri wad Psikiatri dan casemix yang mencukupi. Selain itu, Jabatan Psikiatri yang menjalankan posting Psikiatri itu juga perlu mempunyai bebanan kerja (*workload*), peralatan dan kemudahan yang mencukupi bagi memastikan latihan yang mencukupi dapat diberikan terhadap PPS. Susulan itu, syarat *Inclusion/Exclusion Criteria* telah diperkenalkan dalam memilih Hospital Latihan Siswazah untuk posting Psikiatri, termasuk perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pelaksanaannya. Rujuk **Lampiran A** untuk senarai hospital yang akan menempatkan PPS bagi posting Psikiatri.

5.2. *Inclusion Criteria* pemilihan hospital:

- 5.2.1. Hospital-hospital yang telah diakreditasi oleh LKP sebagai Hospital Latihan Siswazah dan hospital tersebut mestilah mempunyai Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental yang terdapat:

- 5.2.1.1. Wad Psikiatri dengan sekurang-kurangnya 20 katil
- 5.2.1.2. Klinik Pesakit Luar Psikiatri
- 5.2.1.3. Perkhidmatan psikiatri komuniti
- 5.2.1.4. Perkhidmatan *Electroconvulsive Therapy (ECT)*

- 5.2.2. Hospital atau Institusi Mental Kementerian Kesihatan Malaysia yang berada dalam lingkungan 25 kilometer daripada HLS berdekatan di mana PPS daripada HLS tersebut akan menjalani latihan siswazah dalam posting Psikiatri di Institusi Mental tersebut, misalnya:

- 5.2.2.1. Hospital Bahagia Ulu Kinta boleh menerima PPS daripada Hospital Raja Permaisuri Bainun
- 5.2.2.2. Hospital Permai Tampoi boleh menerima PPS daripada Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan Hospital Sultan Ismail
- 5.2.2.3. Hospital Mesra Bukit Padang boleh menerima PPS daripada Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu
- 5.2.2.4. Hospital Sentosa, Kuching boleh menerima PPS daripada Hospital Umum Sarawak.
- 5.2.2.5. Namun begitu PPS tidak boleh membuat tuntutan perjalanan ke Institusi Mental tersebut dari Hospital Latihan Siswazah di mana PPS ditempatkan memandangkan jarak antara keduanya adalah kurang daripada 25 kilometer.

- 5.2.3. Jumlah PPS yang boleh ditempatkan di posting Psikiatri
- 5.2.3.1. Bagi HLS, jumlah PPS yang boleh ditempatkan di posting Psikiatri boleh mengikut kadar 1 PPS kepada 6 katil bagi pesakit dalam. Jumlah ini boleh disesuaikan mengikut bebanan kerja dan jumlah pakar penyelia.
- 5.2.3.2. Bagi Institusi Mental (i.e. Hospital Bahagia, Hospital Permai, Hospital Sentosa and Hospital Mesra), jumlah PPS boleh dikira mengikut jumlah katil akut sahaja dan tidak menggunakan jumlah katil kronik. PPS juga perlu ditempatkan ke perkhidmatan psikiatri akut seperti pesakit luar, pesakit komuniti dan *Electroconvulsive Therapy (ECT)*.

6. Aspek Latihan PPS Semasa Menjalani Posting Psikiatri

- 6.1. Adalah diingatkan bahawa seperti yang diamalkan bagi semua posting dalam program PPS, PPS yang ditempatkan ke posting Psikiatri adalah untuk menjalani latihan, bukannya sebagai *extra-pair of hand* kepada Pegawai Perubatan (M.O) bagi memberi perkhidmatan kepada pesakit. Aspek perkhidmatan teras masih perlu dilaksanakan oleh Pakar Psikiatri dan Pegawai Perubatan (M.O).
- 6.2. Tatacara latihan bagi PPS di posting Psikiatri adalah sama seperti yang diamalkan di posting-posting lain seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan Program Pegawai Perubatan Siswazah, di mana ianya merangkumi aspek:
- 6.2.1. Tempoh posting
 - 6.2.2. Tatacara penilaian prestasi PPS
 - 6.2.3. Pengisian buku log
 - 6.2.4. Tatacara pelanjutan posting
 - 6.2.5. Kehadiran sesi *Continuous Medical Education (CME)*
- 6.3. Tempoh *Tagging*, keperluan *Hand-Over* dan Sistem Waktu Bekerja Fleksi bagi PPS di posting Psikiatri
- 6.3.1. Adalah seperti yang diamalkan di posting-posting lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Panduan Program Pegawai Perubatan Siswazah dan Surat Arahan Ketua Pengarah Kesihatan mengenai Pemantapan Program Pegawai Perubatan Siswazah KKM/87/P2-1/14-1 Jld 8(10) bertarikh 24 Disember 2013.
- 6.3.2. PPS yang ditempatkan di posting Psikiatri perlulah ditugaskan untuk bekerja mengikut Sistem Waktu Bekerja Fleksi seperti yang dinyatakan dalam Surat Arahan Ketua Pengarah Kesihatan mengenai

Pemantapan Program Pegawai Perubatan Siswazah KKM/87/P2-1/14-1 Jld 8(10) bertarikh 24 Disember 2013.

7. Aspek Pentadbiran PPS Semasa Menjalani Posting Psikiatri

- 7.1. Penempatan PPS ke posting Psikiatri termasuk ke Institusi Mental adalah menggunakan jawatan UD41 sediada di HLS masing-masing.
- 7.2. Pembayaran Gaji & Emolumen dan Buku Perkhidmatan PPS adalah di bawah Pusat Tanggungjawab (PTJ) asal iaitu di masing-masing HLS.
- 7.3. Pengurusan cuti PPS juga adalah di bawah PTJ asal (HLS). Permohonan cuti perlu disokong oleh Ketua Jabatan Psikiatri, direkod dan dihantar ke HLS untuk dokumentasi.
- 7.4. Aspek cuti, gaji, kehadiran, tatatertib dan lain-lain aspek pentadbiran adalah sama seperti di lain-lain posting seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan Program Pegawai Perubatan Siswazah.

8. Pelaksanaan dan Peranan Pengarah HLS / Ketua Perkhidmatan Psikiatri KKM dan Negeri

- 8.1. Posting Psikiatri ini disaran untuk dilaksanakan mulai Mei 2014 bagi HLS yang terlibat.
- 8.2. Semua Pengarah HLS hendaklah memaklumkan arahan ini kepada semua Ketua Jabatan yang mengendalikan program PPS supaya ketetapan ini dapat dilaksanakan dan melantik Ketua Jabatan Psikiatri di HLS atau Institusi Mental yang terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Program Pegawai Perubatan Siswazah peringkat hospital.

9. Pertanyaan dan Maklumbalas

- 9.1. Adalah dimaklumkan bahawa Garis Panduan Am ini hanyalah sebagai panduan bagi membantu pelaksanaan posting Psikiatri di HLS dan Institusi Mental. Susulan itu pihak HLS serta jabatan/disiplin berkaitan bolehlah membuat penyesuaian mengikut keperluan setempat bagi memastikan keberkesanan dan kelancaran program PPS.
- 9.2. Garis Panduan ini adalah dinamik dan perlu dikemaskini dan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Susulan itu, KKM mengalu-alukan sebarang input

dan maklumbalas bagi tujuan pemurnian dan penambahbaikan program PPS.

9.3. Sebarang pertanyaan atau maklumbalas sila hubungi:

**Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
(Cawangan Pembangunan Profesional Perubatan)
(u/p: Dr. Hj. Rohaizat Hj. Yon)
No Tel: 03-88831107
No Faks: 03-88831105**

Hospital Latihan Siswazah dan Institusi Mental KKM Yang Boleh Menempatkan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS)

- 1) Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Star, Kedah
- 2) Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah
- 3) Hospital Penang, Penang
- 4) Hospital Taiping, Perak
- 5) Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak
- 6) Hospital Bahagia Ulu Kinta, Tanjung Rambutan, Perak
- 7) Hospital Kuala Lumpur
- 8) Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang, Selangor
- 9) Hospital Selayang, Selangor
- 10) Hospital Tuanku Jaafar, Seremban
- 11) Hospital Melaka, Melaka
- 12) Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor
- 13) Hospital Permai Tampoi, Johor Bahru, Johor
- 14) Hospital Tengku Fatimah, Muar, Johor
- 15) Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang.
- 16) Hospital Sultan Hj Ahmad Shah, Temerloh, Pahang
- 17) Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan
- 18) Hospital Mesra, Bukit Padang, Sabah
- 19) Hospital Umum Sarawak
- 20) Hospital Sentosa, Kuching, Sarawak
- 21) Hospital Sibu, Sarawak
- 22) Hospital Miri, Sarawak

